

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN NO. 281

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan punca kejadian runtuh bangunan dan jentera di tapak pembinaan sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa serta menjelaskan tindakan yang dikenakan kepada pemaju dan usaha yang dilaksanakan bagi menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Insiden di tapak pembinaan seperti runtuh bangunan dan jentera telah dianalisa dan dikenalpasti berpunca 3 (tiga) faktor iaitu :

- (a) kualiti binaan, seperti rekabentuk struktur bangunan yang gagal dan penggunaan bahan binaan yang sub-standard;
- (b) pekerjaan, kualiti penyelenggaraan dan operasi jentera, seperti kecuaiian semasa mengendali kren menara, kren menara yang tidak diselenggara dengan sepatutnya dan operasi kren menara melebihi had selamat, dan
- (c) faktor alam sekitar seperti tapak binaan dilanda angin kencang dan ribut.

2. Punca insiden yang berkaitan dengan kualiti binaan, Kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan memanjangkan kes tersebut kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk tindakan lanjut.

3. Bagi insiden yang berkaitan dengan pekerjaan, kualiti penyelenggaraan dan operasi jentera, JKKP akan melakukan proses siasatan. Semasa proses ini, tindakan menyita jentera, menghentikan operasi atau proses kerja-kerja yang berkaitan, mengambil kenyataan percakapan mangsa dan saksi, merampas bahan bukti, membuat ujian teknikal tertentu dan merujuk kepada pakar bidang berkenaan. Hasil siasatan yang boleh dikaitkan dengan pelanggaran mana-mana peruntukan perundangan yang dikuatkuasakan oleh JKKP, maka tindakan perundangan seperti kompaun dan mahkamah akan diambil.

SOALAN NO: 281

4. Setakat ini, tindakan perundangan keatas pemaju (*developer*) tidak diambil kerana peruntukan sedia ada iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) dan Akta Kilang dan Jentera 1967(AKJ) tidak memasukkan tanggungjawab pemaju.
5. Namun begitu, JKKP telah menyediakan satu garis panduan baru yang antara lain memasukkan tanggungjawab pemaju (*developer*) iaitu Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Pengurusan) [*Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) OSHCIM*]. Garis panduan ini menggariskan tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, pereka bentuk dan pembina atau kontraktor di semua peringkat pembinaan, daripada rekabentuk sehingga ke peringkat perobohan. Dengan ini, risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan dapat dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan awal dapat disediakan bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini. Pendekatan ini telah dilaksanakan di United Kingdom, Singapura dan negara-negara lain, dan didapati berkesan.
6. Garis Panduan ini akan dinaik taraf menjadi peraturan baru di bawah AKKP dalam masa terdekat. Sekarang JKKP dan CIDB giat menjalankan aktiviti promosi, dialog, projek rintis dan penyediaan modul latihan bagi memastikan *stakeholders* maklum dan berusaha untuk mematuhi kehendak garis panduan tersebut.